


HARTA YANG DI WAJIBKAN ZAKAT

1) Kitab suci Al Quranul Karim tidaklah menetapkan jenis-jenis harta yang diwajib mengeluarkan zakat,serta juga ia tidak menerangkan satu persatu kadar sebanyak mana yang wajib dibayar zakat. Penjelasan mengenai perkara ini tertera didalam Sunnah atau Hadis Rasullullah S.A.W, sunnah mana yang dikenali dengan As Sunnah Al Amaliah, As Sunnah Al Qauliyah,As Sunnah At Taqdiriyah,kerana disinilah terdapat huraian dan penjelasan satu persatu secara tafsilnya jenisnya harta yang diwajibkan zakat dan kadar-kadar mana yang wajib dibayar.

Maka dengan As Sunnah An Nabawiyah Rasullullah S.A.W. menyatakan panduan-panduan zakat dan cara-cara perlaksanaannya demi mencapai tujuan murni pembangunan umat Islam dan sumber ekonominya.

Rasullullah S.A.W ditaklifkan menerangkan perkara-perkara agama seperti dalam surah An Nahl ayat 44,

Firman Allah,




Ertinya:

Dan telah kami turunkan kepadamu AL Quran untuk kamu jelaskan kepada umat manusia barang yang diturunkan kepada mereka dan mudah-mudahan mereka dapat berfikir.

(An Nahl:44)

2. Sesungguhnya kitab suci Al Quranul Karim tidak menyatakan jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat, tetapi terdapat juga beberapa jenis harta yang disebut didalam kitab suci Al Quran yang mulia untuk memperingatkan kaum muslimin supaya menunaikan zakat secara umum.


Pertama: Emas dan perak - disebut didalam surah At Taubah 34:



Ertinya:

Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkanya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka,(bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih.

Kedua: Hasil mahsul tanaman,biji-bijian dan buah-buahan. Disebut didalam surah Al An'am: ayat 141.



Ertinya:

Makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam itu) bila dia berbuah,dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya (dengan dikeluarkan zakatnya)

(Al An'am:141)

Ketiga: Pendapatan daripada usaha kerja (kerjaya) disebut didalam surah Al-Baqarah ayat 267 :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ

Ertinya :

Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (dijlan Allah)sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik.

(Al Baqarah : 267)

Keempat : hasil-hasil yang dikeluarkan daripada bumi yang dikenali dengan "Rikaz" seperti hasil-hasil galian dan juga hasil mahsul dari laut dalam,yang disebut didalam surah Al Baqarah ayat 267 :

وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Ertinya :

Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.

(Al Baqarah : 267)

Dan juga hasil mahsul ternakan Al'am.

Maka selain daripada empat jenis yang tersebut di atas terdapat juga pelbagai harta benda dan hasil pendapatan daripada usaha kerja (Profession) yang dimiliki oleh manusia yang diwajibkan zakat di mana terdapat didalam Al Quranul Karim secara umum sahaja dengan perkataan (harta :

الاموال -

) serta terdapat didalam surah At Taubah ayat 103 .

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

Ertinya :

Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mencucikan mereka dan,

(At Taubah : 103)

Dan didalam surah Az Zaariyat ayat 19,

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

Ertinya:

Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian.

(Az Zaariyat: 19)